

02 FEB 1998

Wolfensohn-Tiba

PRESIDEN BANK DUNIA TIBA DI KL

KUALA LUMPUR, 2 Feb (Bernama) -- Presiden Bank Dunia James Wolfensohn tiba di sini, hari ini, untuk bertemu dengan pemimpin-pemimpin Malaysia mengenai krisis kewangan Asia dan kesannya terhadap rakyat negara ini.

Wolfensohn yang sebelum ini berada di Singapura atas tujuan yang sama dijangka mengadakan perbincangan dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim malam ini.

Beliau juga dijangka bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok dan selepas itu akan mengadakan persidangan berita.

Wolfensohn kini berada dalam rangka lawatan ke enam negara Asia dan sehingga ini beliau telah melawat Thailand dan Singapura. Selepas berada di Kuala Lumpur selama dua hari beliau akan singgah di Indonesia, Filipina dan Korea Selatan.

Sebelum itu di Singapura, Ketua Bank Dunia itu memberitahu pemberita yang langkah-langkah diambil oleh Malaysia untuk menangani masalah kewangan dan ekonomi sekarang ini sebagai berkesan.

Beliau berkata, Malaysia berupaya menangani krisis itu.

Semasa bercakap kepada pemberita sejurus tiba, Wolfensohn berkata impak krisis itu pada rakyat miskin merupakan antara topik yang akan dibincangkan dengan Dr Mahathir dan Anwar yang juga Menteri Keewangan.

"Tiada topik standard untuk dibincangkan selain sistem kewangan dan bagaimana kita dapat membantu kerajaan-kerajaan dalam hal mengenai undang-undang korporat dan pengawal seliaan sistem perbankan."

"Terdapat agenda sosial untuk dibincangkan ... bagaimana kita boleh mendapatkan semula pekerjaan bagi rakyat dan bagaimana mengelakkan impak krisis kewangan itu terhadap mereka yang mudah terdedah (kanak-kanak dan mereka yang telah berusia)," kata beliau.

Wolfensohn berkata beliau juga akan mendapatkan nasihat Perdana Menteri dan Anwar mengenai masalah kewangan yang dihadapi oleh negara. -- BERNAMA

NZ PR